

Penduduk risau tembok runtuh

Tebing longkang monsun semakin terhakis beri kesan retakan struktur lantai rumah, jalan raya

BUKIT BERUNTUNG - Hakisan tebing di kawasan longkang monsun di Jalan Dahlia 5, Taman Dahlia semakin membimbangkan penduduk di sekitarnya.

Penduduk yang ditemui, rata-rata menyatakan kebimbangan dengan keadaan itu kerana saban hari kesan hakisan bertambah teruk dan turut memberi kesan kepada struktur rumah di kawasan itu.

Penduduk, Mohd Sabari Setin, 46, berkata, masalah itu dikesan sejak lebih setahun lalu dan tebing sungai hingga ke bahu jalan sudah beberapa kali ditambah berikutan hakisan yang teruk.

"Saya dah lebih 10 tahun tinggal di sini dan ini keadaan paling teruk pernah berlaku. Kami penduduk di sini bimbang jika dibiarkan kesannya kepada keselamatan kami sebab lantai dan dinding rumah sudah retak," katanya ketika ditemui semalam.

Menurutnya, sebelum ini kesan hakisan hanya dilihat pada tebing sungai sebelum merebak ke bahu jalan.

Namun katanya, ketiadaan tindakan penyelesaian segera menyebabkan hakisan bertambah teruk sehingga memberi kesan kepada beberapa buah rumah di Jalan Dahlia 5 di situ.

"Dulu sikit saja, tapi musim hujan buat jadi lebih teruk. Bukan saja hakisan berlaku tapi paras air longkang boleh melebihi tembok dan melimpah ke dalam hutan," katanya.

Menurut Mohd Sabari, mereka bersyukur kerana ada kontraktor pembinaan yang bertanggungjawab secara ihsan memberikan tanah-tanah sisa binaan untuk ditambah pada tebing longkang dan bahu jalan yang rebak.

"Kita minta ihsan kontraktor bina-



MOHD SABARI



SUPPAMA

an yang nak buang tanah, supaya timbul tebing di sini. Kalau tak ditambah, tak tahu macam mana keadaan di sini sekarang," katanya.

Warga emas, V. Suppama, 80, berkata, sebelum ini sudah ada pihak dilihat melawat kawasan itu dan mengambil gambar keadaan longkang yang rebak.

Menurutnya, sehingga kini hanya kesan retakan pada lantai dan dinding rumah kelihatan namun dia percaya struktur tanah di bawah rumah sudah tidak kukuh.

"Beginilah kesannya. Boleh tengok kesan retakan semakin mem-



Tembok longkang monsun di Taman Dahlia yang runtuh mengakibatkan hakisan.

besar. Rasanya dah cecah 10 hingga 30 sentimeter panjang. Kalau di biar mungkin lebih teruk," katanya.

Sementara itu, Ahli Majlis Daerah Hulu Selangor Zon tersebut, S. Suntaresan yang menerima aduan tersebut menggesa pihak berwajib mengambil tindakan segera untuk membaiki kerosakan tembok longkang monsun berkenaan.

Beliau berkata, tembok yang runtuh telah beralih tempat menyebabkan aliran air longkang mengalir tidak sekata dan dikhawatiri telah meresap ke dalam tebing.

Dalam pada itu, Pegawai Yang Menjaga JPS Hulu Selangor, Halim Masri berkata, perkara itu sedang dalam perhatian pihaknya dan dalam tindakan penyelesaian.

"Kini dalam tindakan penyedia-



SUNTARESAN

an dokumen serta reka bentuk akhir. Notis tender dijangka akan dipanggil awal September ini," katanya.

Menurutnya, JPS mengambil tindakan segera selepas menyedari



HALIM MASRI

masalah tersebut dan baru menerima kelulusan peruntukan.

Katanya, JPS akan membina semula tembok yang runtuh dan membaiki semua tebing.



Lantai salah sebuah rumah penduduk di Jalan Dahlia 5 yang merekah dipercayai akibat hakisan longkang monsun.



Mohd Sabari menunjukkan keretakan pada dinding luar rumahnya dipercayai akibat hakisan longkang monsun di Jalan Dahlia 5.